

DAULAT TUANKU

# Sultan Muhammad V lafaz sumpah Agong

**KUALA LUMPUR** - Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V semalam melafaz sumpah sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 dalam upacara penuh adat istiadat di Istana Negara, di sini.

Turut melafaz sumpah memegang jawatan ialah Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Kedua-dua baginda dipilih oleh Raja-Raja Melayu pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-243 (Khas) di Istana

Surat Sumpah Jawatan kepada Sultan Muhammad V yang kemudiannya melafazkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 dalam upacara penuh adat istiadat di Istana Negara, di sini.

Surat Sumpah jawatan itu kemudiannya ditandatangani oleh Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin dan Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail, sebagai saksi.

Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja kemudian menyembahkan pula Surat Sumpah Jawatan kepada Sultan Nazrin yang kemudiannya

Semua sembilan Raja-Raja Melayu atau wakil-wakil baginda serta tiga Yang Dipertua Negeri hadir pada upacara berkenaan, kecuali Yang Dipertua Negeri Sarawak Tun Abdul Taib Mahmud yang diwakili Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak, Datuk Mohamad Asfia Awang Nassar.

Turut hadir, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Timbalannya Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi. - *Bernama*



Sultan Muhammad V berkenan melafaz sumpah memegang jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-244 (Khas) sempena Istiadat Melafaz Sumpah dan Menandatangani Surat Sumpah Jawatan Yang di-Pertuan Agong ke-15 - Foto: BERNAMA

Negara, 14 Oktober lepas, bagi tempoh lima tahun bermula semalam.

Sultan Muhammad V, 47, menggantikan Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Upacara bermula dengan Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-244 (Khas) sempena Istiadat Melafaz Sumpah dan Menandatangani Surat Sumpah Jawatan oleh kedua-dua Seri Paduka Baginda.

Mesyuarat Khas itu dipengerusikan oleh Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Memulakan istiadat, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Datuk Syed Danial Syed Ahmad menyembahkan

Nazrin yang melafazkannya sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong sebelum menandatangani.


Surat Sumpah Jawatan baginda turut ditandatangani oleh Sultan Mizan dan Tuanku Syed Sirajuddin sebagai saksi.

Selesai istiadat itu, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja kemudian memaklumkan bahawa Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-244 (Khas) ditangguhkan ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak.


Acara di balairung seri kemudiannya diteruskan dengan istiadat menandatangani perisytiharan memegang jawatan oleh Yang di-Pertuan Agong dan timbalannya.



Sultan Muhammad V bersalaman dengan Sultan Sharafuddin sambil diperhatikan Sultan Mizan Zainal Abidin.



Sultan Muhammad V beramah mesra dengan Sultan Nazrin Shah sambil diperhatikan Sultan Sharafuddin.



Sultan Muhammad V berbincang sesuatu dengan Sultan Sharafuddin Idris Shah pada Istiadat Melafaz Sumpah dan Menandatangani Surat Sumpah Jawatan Yang Dipertuan Agong ke-15. Turut berangkat, Sultan Perak Sultan Nazrin Azlan Shah (kanan), Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin (dua kiri), Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail (dua, kanan) dan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Tuanku Munawir (kiri).